

07 FEB 1997

Ling-Sosial

MCA SEDIA BEKERJASAMA TANGANI GEJALA SOSIAL

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- MCA sedia bekerjasama dan berkongsi pengalaman dengan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dalam usaha menangani gejala sosial yang semakin meruncing di kalangan remaja.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata parti-parti komponen BN boleh berganding bahu dan menumpukan sebahagian jenteranya dalam usaha membendung gejala sosial ini.

Beliau berkata MCA telah lama menangani masalah ini melalui Biro Keagamaan yang ditubuhkan dua tahun lepas.

"Kami menubuhkan biro ini dengan kepercayaan bahawa perkembangan ekonomi tidak akan bermakna jika tiada perkembangan rohani," katanya kepada pemberita di Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran parti itu di Wisma MCA di sini hari ini.

Katanya, MCA telah lama menjalin perhubungan erat dengan wakil-wakil pelbagai agama bagi membantu parti itu menangani masalah sosial.

"Program yang dijalankan memang berjaya. Kesedaran tentang keagamaan semakin meningkat sama ada di kalangan penganut Islam, Hindu, Sikh, Buddha atau Kristian," katanya.

Beliau mengulas langkah UMNO yang akan memulakan program besar-besaran memerangi gejala sosial di kalangan remaja Melayu.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri perjumpaan khas dengan lebih 300 wakil unit agama pelbagai agensi kerajaan bagi membincangkan masalah sosial di kalangan orang Melayu yang kini ditahap serius.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata kombinasi di antara kaunseling di sekolah dan perhatian ibu bapa perlu bagi mengatasi masalah disiplin di kalangan pelajar, terutamanya yang merokok.

"Kajian Universiti Sains Malaysia di Kelantan mendapati pelajar yang merokok mempunyai masalah disiplin yang teruk berbanding pelajar lain. Ibu bapa perlu bertanggungjawab dan tidak menganggap merokok perkara biasa atau melepaskan peranan mereka kepada orang lain," kata beliau.

Dua hari lepas, Chua mengumumkan bahawa mereka yang di bawah umur 18 tahun dilarang memiliki, mengunyah dan menghisap produk tembakau berikutan pindaan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993. -- BERNAMA

AR AKD